

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

## Utama pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat

### Utama pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat

**Kuala Lumpur:** Penganalisis ekonomi menggariskan dua isu mustahak yang perlu diberi tumpuan oleh badan penasihat khas membantu Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan.

Isu pertama merangkumi pembangunan ekonomi yang dilihat ketinggalan sejak empat tahun lalu, manakala isu kedua membabitkan strategi kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat seiring kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Ahli ekonomi dari Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Prof Emeritus Dr Barjoiyai Bardai, berkata sejak sekitar tiga hingga empat tahun lalu, pembangunan ekonomi negara dilihat agak ke-

terbelakang berbanding negara jiran.

“Jadi kita perlu selaraskan semula bagaimana untuk memisahkan pembangunan yang biasanya dikaitkan dengan pelaburan langsung asing (FDI) dan sebagainya.

“Justeru, aspek pertama yang perlu dilihat ialah bagaimana pakar (badan penasihat) ini boleh membantu kerajaan dalam menstrukturkan ekonomi bagi menarik pelaburan asing serta pelaburan dalam negara untuk memacu pembangunan.

“Aspek kedua yang lebih penting ialah bagaimana untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat

dan biasanya hal ini dikaitkan dengan pengagihan kekayaan serta pendapatan. Isu ini sudah wujud lebih lima dekad di Malaysia yang tidak ada penyelesaian,” katanya kepada *BH* semalam.

Beliau berpandangan, dua isu berkenaan perlu mendapat perhatian khusus kerajaan kerana kesejahteraan rakyat kini harus menjadi fokus utama.

“Kadar pertumbuhan pesat tidak bermakna kepada kebanyakan rakyat, isi rumah hari ini keresahan, walaupun ekonomi berkembang pesat, mereka tidak berasa apa-apa daripada pertumbuhan itu,” katanya.

#### Pelantikan seimbang

Ahli ekonomi yang juga bekas Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Datuk Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata pelantikan lima individu terbabit adalah, seimbang mengambil kira komposisi kaum serta wilayah.

Bagaimanapun, katanya, perkara paling penting adalah menjelaskan secara terperinci apa peranan kumpulan penasihat berkenaan yang skop tugas mereka dilihat masih samar.

“Dalam badan penasihat khas itu, saya nampak ia mewakili setiap suku kaum, bangsa dan wi-

layah Semenanjung serta Sabah dan Sarawak,” katanya.

Mengenai kewajaran menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi mengukur tahap prestasi penasihat berkenaan, Barjoiyai dan Zakariah senada, tidak perlu sebarang KPI diletakkan kerana khidmat mereka adalah secara percuma.

Namun, kedua-dua penganalisis berkenaan sependapat bahawa tumpuan rakyat selepas ini pasti ke arah prestasi yang bakal ditonjolkan Anwar, khususnya membabitkan pengenalan dasar dan pembentukan ‘falsafah’ ekonomi yang seiring dengan konsep MADANI.

